

TAHAP KESEDARAN MAHASISWA TERHADAP HAK MAHASISWA KURANG UPAYA (*LEVEL OF AWARENESS OF STUDENTS ON THE RIGHT OF STUDENTS WITH DISABILITIES*)

Suziyani Mohamed (Pengarang Penghubung)
Personalized Learning Research Group, Faculty of Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
suziyani@ukm.edu.my

Rosadah Abd Majid
Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
rosadah@ukm.edu.my

Hasnah Toran
Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
hasnal@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran mahasiswa institusi pengajian tinggi terhadap hak-hak mahasiswa kurang upaya sebagaimana yang termaktub dalam peruntukkan undang-undang negara. Soal selidik kajian ini diadaptasi daripada kajian oleh Pedro Villarreal III yang bertajuk *Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice* (2002). Sebuah institusi pengajian tinggi awam di negeri Selangor telah dipilih sebagai lokasi kajian. Proses pengumpulan data mengambil masa selama dua minggu dan seramai 232 responden telah terlibat dalam kajian yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan ini. Data yang diperolehi daripada borang selidik telah di analisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai hak-hak mahasiswa kurang upaya. Analisis Ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan mahasiswa dengan faktor samada mereka mempunyai rakan atau ahli keluarga kurang upaya atau pun tidak. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa menyedari kehadiran golongan kurang upaya dalam masyarakat dan memperakui keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada golongan ini.

Kata Kunci: pelajar kurang upaya; institusi pengajian tinggi; undang-undang

ABSTRACT

The main objective of this study is to identify the level of awareness of higher education students toward the rights of students with disabilities as allocated in the provisions of national law. This questionnaire used in the study was adapted from a research report by Pedro Villarreal III, entitled *Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice* (2002). A university in Selangor has been chosen as a study area. The data collection process took two weeks and a total of 232 respondents participated in the survey. The data obtained from the questionnaire were analyzed using descriptive statistics and statistical inference. The findings indicate that students have a good level of knowledge about the rights of students with disabilities. The results also showed that there was no significant difference between the level of knowledge of students by a factor of whether they have a friend or family member with a disability or not. The findings show that higher education student are aware of the presence of students with disabilities in the community and recognize the privilege provided by law for this group.

Keywords: student with disabilities; higher education; disabilities law

PENGENALAN

Dewasa ini, bilangan individu kurang upaya yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi semakin meningkat. Kajian yang dijalankan di negara-negara maju menunjukkan berlakunya peningkatan yang positif dalam pengambilan individu kurang upaya untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia menunjukkan, berlaku peningkatan konsisten sebanyak 2% setahun dalam pengambilan individu kurang upaya sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi di negara berkenaan (Henderson, 2001; Konur, 2006). Peningkatan bilangan mahasiswa kurang upaya di institusi pengajian tinggi adalah kesan daripada penggubalan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan pendidikan khas.

Di Amerika Syarikat misalnya, peningkatan bilangan mahasiswa kurang upaya di institusi pengajian tinggi dikesan selepas pewartaan undang-undang *Education for All Handicapped Children Act* pada tahun 1975 (Rothstein, 2004). Impak daripada penggubalan undang-undang pendidikan khas untuk pendidikan rendah dan menengah ini, bilangan individu kurang upaya yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar didapati meningkat pada awal tahun 1980an (Rothstein, 2004). Laporan kajian yang dijalankan di Rusia pula menunjukkan peningkatan bilangan mahasiswa kurang upaya di institusi pengajian tinggi berlaku setelah Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya di ratifikasi di negara tersebut pada tahun 2012 (Volosnikova & Efimova, 2016).

Kesan daripada pelaksanaan dan ratifikasi undang-undang ini, individu kurang upaya berpeluang untuk mengikuti pembelajaran peringkat prasekolah, rendah dan menengah di sekolah bantuan penuh kerajaan. Dengan wujudnya peluang untuk golongan kurang upaya ini mengikuti persekolahan, maka peluang mereka untuk menamatkan pelajar ke peringkat tertiar dan seterusnya memperoleh perkerjaan yang baik adalah lebih cerah. Berbeza dengan senario yang berlaku di luar negara, Malaysia masih mencatatkan jumlah enrolmen pelajar kurang upaya yang rendah di peringkat pengajian tinggi. Hasnah dan rakan-rakan (2009), memetik laporan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN, 2007) yang menyatakan bahawa golongan kurang upaya merupakan golongan yang rendah enrolmennya di peringkat pengajian tinggi. Hanya 4255 orang pelajar kurang upaya (1.1%) yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar berbanding jumlah enrolmen pelajar di seluruh negara, iaitu seramai 382,997 orang pelajar.

Hasnah dan rakan-rakan (2009) melaporkan bahawa, mahasiswa kurang upaya merasakan mereka sering tersisih dan terpinggir semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan. Menurut dapatan kajian ini lagi, penerimaan mahasiswa tipikal terhadap kehadiran mahasiswa kurang upaya adalah tidak begitu positif. Mahasiswa kurang upaya menyatakan bahawa mahasiswa tipikal merasakan kehadiran mereka sebagai ahli kumpulan adalah menyusahkan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengambil langkah proaktif untuk mengkaji tentang tahap kesedaran mahasiswa tipikal terhadap hak mahasiswa kurang upaya sebagaimana yang termaktub dalam perundangan negara.

Di Malaysia terdapat beberapa undang-undang berkaitan pendidikan khas yang telah diwartakan bagi tujuan untuk menyediakan akses pendidikan kepada individu kurang upaya. Antara undang-undang tersebut adalah Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 dan Akta OKU 2008. Secara amnya Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 adalah undang-undang mengenai penyediaan perkhidmatan pendidikan khas di peringkat rendah dan menengah. Akta OKU 2008 adalah satu-satunya peruntukkan undang-undang yang menyentuh mengenai pendidikan tinggi untuk individu kurang upaya.

Bab 8 dalam Akta Pendidikan 1996 telah menegaskan tentang tanggungjawab menteri untuk menyediakan sekolah di peringkat rendah dan menengah kepada golongan ini. Di samping itu, akta ini turut menyediakan garis panduan penyediaan perkhidmatan pendidikan merangkumi aspek-aspek tempoh pendidikan, kurikulum yang digunakan, kategori murid berkeperluan khas dan kaedah pengajaran yang bersesuaian. Tempoh pendidikan minimum yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996 adalah tidak boleh kurang daripada tempoh minimum pendidikan untuk murid arus perdana. Kurikulum yang digunakan dalam pengajaran mestilah mematuhi standard Kurikulum Pendidikan Kebangsaan. Namun demikian, kurikulum tersebut boleh diubahsuai bagi memenuhi keperluan murid kurang upaya.

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah diwartakan pada tahun 2013. Tujuan utama pewartaan ini adalah untuk memperjelaskan Seksyen 41 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Peraturan ini digunakan bagi sekolah swasta dan sekolah bantuan kerajaan yang menyediakan program Pendidikan Khas. Perkara-perkara yang dijelaskan dalam peraturan ini adalah mengenai tempoh percubaan, kesesuaian mengikuti program, rayuan, kod amalan, pelaksanaan, kokurikulum dan tempoh pendidikan.

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU 2008) telah diwartakan pada 24 Januari 2008. Dalam Bahagian IV Bab 1 akta ini, telah dinyatakan dengan jelas tentang akses golongan kurang upaya terhadap pendidikan. Menurut Akta OKU 2008, individu kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan atas alasan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Selain itu, individu kurang upaya juga tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan prasekolah, rendah, menengah, tinggi, latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini selaras dengan dasar kesetaraan hak individu terutamanya dalam menyokong penglibatan penuh individu kurang upaya dalam pendidikan.

Selain itu, Akta OKU 2008 turut mewajibkan pihak yang menyediakan perkhidmatan pendidikan samada kerajaan mahupun swasta untuk memberi peluang kepada individu kurang upaya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, pihak penyedia perkhidmatan pendidikan juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan bersesuaian seperti mana yang diperlukan oleh individu berkeperluan khas tersebut. Kemudahan ini merangkumi prasarana, kelengkapan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, pengubahsuaian kurikulum atau sebarang bentuk sokongan lain yang munasabah yang diperlukan oleh individu tersebut.

Impak positif penggubalan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan pendidikan untuk golongan kurang upaya ini kian terserlah. Penggubalan dan pelaksanaan undang-undang ini memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada mahasiswa kurang upaya tetapi juga kepada mahasiswa tipikal. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mahasiswa tipikal dan mahasiswa kurang upaya sedar tentang peruntukkan undang-undang yang ada. Dengan adanya pengetahuan tentang keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, mahasiswa kurang upaya akan lebih peka terhadap sokongan dan kemudahan yang patut diberikan kepada mereka sepanjang tempoh mereka berada institusi pengajian tinggi. Bagi mahasiswa tipikal pula, mereka akan lebih terbuka dan positif dalam menerima kehadiran dan keistimewaan yang diberikan kepada mahasiswa kurang upaya. Secara tidak langsung, ukhawah dan persekitaran pembelajaran yang positif dapat diwujudkan di institusi pengajian tinggi. Oleh yang demikian, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran mahasiswa tipikal di institusi pengajian tinggi terhadap hak mahasiswa kurang upaya seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Kajian ini menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- a) Apakah tahap pengetahuan mahasiswa tipikal mengenai hak-hak mahasiswa kurang upaya?
- b) Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan antara mahasiswa tipikal yang mempunyai ahli keluarga OKU dengan yang tidak mempunyai ahli keluarga OKU?
- c) Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan antara mahasiswa tipikal yang mempunyai rakan OKU dengan yang tidak mempunyai rakan OKU?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Data yang dikumpul adalah data kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada laporan penyelidikan oleh Pedro Villarreal III (2002) yang bertajuk *Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice*. Soal selidik ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memastikan ianya dapat difahami dengan jelas oleh responden. Terdapat juga beberapa item yang telah dikeluarkan dan digantikan dengan item-item baru. Tujuan utama penukaran item ini adalah bagi memastikan item-item yang terdapat dalam soal selidik adalah bersesuaian dengan undang-undang yang diratifikasi di Malaysia.

Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan tentang maklumat demografi responden. Terdapat lapan item dalam bahagian ini. Item tersebut adalah, jantina, umur, bangsa, agama, fakulti, keluarga OKU, rakan OKU dan pendidikan berkaitan yang pernah diterima. Tujuan utama soal selidik demografi adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tahap pengetahuan pelajar IPTA tentang hak pelajar OKU. Bahagian B pula mengandungi

sebanyak 20 item yang berkaitan dengan undang-undang OKU. Soalan dalam Bahagian B menggunakan jawapan ‘ya’, ‘tidak’ dan ‘tidak tahu’.

Sebuah universiti awam telah dipilih sebagai lokasi kajian bagi tujuan pengumpulan data. Bagi pemilihan sampel, terdapat dua kaedah yang telah digunakan iaitu kaedah persampelan berstrata dan kaedah persampelan rawak mudah. Pada peringkat awal, kaedah persampelan berstrata digunakan dan pengkaji telah menetapkan ‘fakulti’ sebagai kriteria pemilihan responden. Pengkaji telah mendapatkan seramai 30 responden daripada setiap fakulti. Setelah kriteria pemilihan responden ditetapkan, kaedah persampelan rawak mudah kemudiannya digunakan bagi mendapatkan responden mewakili setiap fakulti.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 240 soal selidik telah diedarkan bagi tujuan pengumpulan data. Namun demikian, hanya 232 soal selidik yang dikembalikan dengan kadar pemulangan sebanyak 97%. Responden telah diberikan masa selama satu hari untuk melengkapkan soal selidik yang diedarkan. Maklum balas yang dilengkapkan oleh responden, di masukkan ke perisian IBM SPSS dan di analisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Berdasarkan analisis statistik deskriptif yang dijalankan ke atas maklum balas yang diberikan oleh responden, didapati majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar perempuan iaitu seramai 159 orang berbanding pelajar lelaki seramai 73 orang sahaja. Bagi faktor umur pula, didapati seramai 119 responden berusia antara 20 hingga 21 tahun dan hanya terdapat 6 orang responden yang berusia 26 tahun ke atas. Berdasarkan maklumat ini boleh disimpulkan bahawa, majoriti responden yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada pelajar tahun 1 dan tahun 2.

Analisis deskriptif bagi faktor bangsa menunjukkan seramai 181 responden adalah berbangsa Melayu, 29 responden berbangsa Cina, 7 responden berbangsa India dan 15 responden lain-lain bangsa. Bagi maklumat mengenai fakulti pengajian responden, dapatan analisis menunjukkan peratusan responden daripada setiap fakulti adalah hampir sama. Bilangan dan peratusan responden yang mewakili setiap fakulti hampir sama kerana, faktor ‘fakulti pengajian’ telah dijadikan sebagai kriteria dalam kaedah pemilihan sampel.

Selain maklumat mengenai latar belakang pelajar, terdapat juga dua pernyataan yang ditanya dalam bahagian demografi iaitu ‘adakah anda mempunyai ahli keluarga yang berkeperluan khas’ dan ‘adakah anda mempunyai rakan yang berkeperluan khas’. Respon yang diterima daripada kedua-dua pernyataan ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak mempunyai ahli keluarga dan rakan yang berkeperluan khas. Seramai 198 responden menjawab tidak untuk pernyataan pertama dan 168 responden untuk pernyataan kedua. Item terakhir yang terdapat dalam bahagian demografi adalah tentang jenis pendidikan dan latihan berkaitan OKU yang pernah diterima oleh responden. Pembacaan melalui buku mencatatkan bilangan responden yang paling tinggi iaitu seramai 61 orang, diikuti oleh penyertaan dalam seminar seramai 16 orang. Seramai 34 responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah menerima pendidikan secara langsung atau tidak langsung dan tidak pernah mengikuti mana-mana latihan berkaitan OKU.

Pengetahuan Mahasiswa terhadap Hak Pelajar Berkeperluan Khas

Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis statistik deskriptif bagi soal selidik di Bahagian B, iaitu mengenai tahap pengetahuan mahasiswa tipikal terhadap hak mahasiswa kurang upaya seperti mana yang diperuntukkan oleh perundangan negara sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Berdasarkan hasil analisis Jadual 1 dapat disimpulkan bahawa mahasiswa di negara ini mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai hak mahasiswa kurang upaya di mana, majoriti mahasiswa berjaya menjawab dengan tepat sebanyak 16 daripada 20 pernyataan yang telah dikemukakan kecuali bagi pernyataan nombor 3, 11, 16 dan 17.

Bagi item 3 didapati bahawa seramai 102 responden (44.0%) menyatakan ‘ya’ dengan pernyataan bahawa “pelajar berkeperluan khas yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan sama seperti pelajar lain” manakala, seramai 61 responden (26.3%) menyatakan ‘tidak’ dengan pernyataan tersebut dan selebihnya iaitu seramai 69 responden (29.7%) menyatakan ‘tidak tahu’ dengan pernyataan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 56% beranggapan bahawa individu kurang upaya mempunyai laluan mudah untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi berbanding individu tipikal. Walhal sebenarnya kelayakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi adalah berdasarkan sistem meritokrasi yang telah diperkenalkan mulai tahun 2002. Menurut sistem meritokrasi, pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah melalui pengiraan 90% markah pencapaian akademik dan 10% markah penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

Item yang kesebelas adalah mengenai kuasa yang dimiliki oleh pihak institusi pengajian tinggi untuk menolak permohonan kemudahan oleh mahasiswa kurang upaya, sekiranya ketiadaan kemudahan tersebut tidak memberikan impak kepada mereka. Didapati seramai 117 responden (50%) menyatakan 'ya', 51 responden (22.0%) menyatakan 'tidak' dan 64 responden (27.6%) menyatakan 'tak tahu' terhadap pernyataan ini. Dapatan analisis item ini menunjukkan majoriti responden memberikan jawapan yang kurang tepat. Sebenarnya pihak institusi pengajian tinggi berhak untuk menolak permohonan kemudahan yang dibuat oleh mahasiswa kurang upaya dan tidak perlu menyediakan kemudahan tersebut sekiranya ketiadaan kemudahan tersebut tidak memberi impak kepada kekurangan upaya mahasiswa terbabit. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Akta OKU 2008 iaitu, pihak institusi pengajian tinggi hanya perlu menyediakan kemudahan yang 'munasabah' yakni memberi impak kepada pelajar kurang upaya.

Bagi item 16, didapati seramai 94 responden (40.5%) menyatakan 'ya' dengan pernyataan bahawa "adalah menjadi kesalahan di sisi undang-undang sekiranya pihak institusi pengajian tinggi/pensyarah tidak menyediakan kemudahan yang bersesuaian untuk pelajar berkeperluan khas" manakala, sebanyak 38 responden (16.4%) menyatakan 'tidak' dan seramai 100 responden (43.1%) menyatakan 'tidak tahu' dengan pernyataan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak tahu mengenai kewujudan klausa dalam Akta OKU 2008 yang menyatakan bahawa individu kurang upaya perlu diberikan kemudahan dan kelengkapan yang sepenuhnya bagi memenuhi keperluan mereka dalam menerima pendidikan. Dalam konteks ini, pihak institusi pengajian tinggi dan pensyarah adalah entiti yang bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan sepertimana yang dinyatakan dalam Akta OKU 2008.

Maklum balas yang diterima untuk item 17, iaitu 'pensyarah bebas menentukan samada mereka perlu menyediakan kemudahan tambahan untuk mahasiswa kurang upaya semasa di dalam kelas/kuliah' adalah, 119 responden (51.3%) menyatakan 'ya', 46 responden (19.8%) menyatakan 'tidak' dan 67 responden (28.9%) menyatakan 'tak tahu'. Dapatan analisis item ini menunjukkan majoriti responden memberikan jawapan yang kurang tepat. Jika dirujuk kepada Akta OKU 2008, keperluan untuk menyediakan kemudahan semasa kuliah adalah menjadi tanggungjawab pensyarah sepenuhnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada setiap pensyarah untuk mematuhi perkara yang diperuntukkan oleh akta tersebut. Secara keseluruhannya, mahasiswa institusi pengajian tinggi mempunyai tahap kesedaran yang baik mengenai hak-hak yang dimiliki oleh mahasiswa kurang upaya seperti mana yang terkandung dalam undang-undang negara.

Jadual 1. Tahap Pengetahuan Mahasiswa mengenai Hak Mahasiswa Kurang Upaya

Bil.	Pernyataan	Ya	Tidak	Tak Tahu
		<i>n (f)</i>	<i>n (f)</i>	<i>n (f)</i>
1	Akta OKU 2008 menyatakan bahawa Orang Kurang Upaya (OKU) tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi.	147 (63.4%)	7 (3%)	78 (33.8%)
2	Seseorang individu akan dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) sekiranya dia mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.	175 (75.4%)	17 (7.3%)	40 (17.2%)
3	Pelajar berkeperluan khas yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan sama seperti pelajar lain.	102 (44.0%)	61 (26.3%)	69 (29.7%)
4	Pihak institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemudahan yang bersesuaian untuk pelajar berkeperluan khas meskipun pelajar tersebut tidak membuat sebarang permohonan.	185 (79.7%)	20 (26.3%)	27 (29.7%)
5	Pihak institusi pengajian tinggi perlu melakukan pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara pelajar berkeperluan khas dalam setiap aktiviti.	185 (79.7%)	17 (7.3%)	30 (12.9%)
6	Pihak institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemudahan-kemudahan yang dimohon oleh pelajar berkeperluan khas, walaupun ianya tidak sesuai dengan kekurangupayaan yang	123 (53%)	69 (29.7%)	40 (17.2%)

Bil.	Pernyataan	Ya	Tidak	Tak Tahu
		<i>n (f)</i>	<i>n (f)</i>	<i>n (f)</i>
	dialami oleh mereka.			
7	Lokasi kelas/kuliah perlu ditukar sekiranya pelajar berkeperluan khas mengalami masalah untuk bergerak/akses ke kelas tersebut.	194 (83.6%)	25 (10.8%)	13 (5.6%)
8	Pensyarah mempunyai hak untuk membuat keputusan samada masa tambahan perlu diberikan ataupun tidak kepada pelajar berkeperluan khas semasa mereka menduduki peperiksaan.	151 (65.1%)	25 (10.8%)	56 (24.1%)
9	Format peperiksaan perlu diubahsuai agar ianya bersesuaian dengan keperluan pelajar berkeperluan khas.	134 (57.8%)	49 (21.1%)	49 (21.1%)
10	Adalah menjadi tanggungjawab pihak institusi pengajian tinggi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang dimohon oleh pelajar berkeperluan khas, walaupun ianya akan mengakibatkan implikasi kewangan.	150 (64.7%)	23 (9.9%)	59 (25.4%)
11	Pihak institusi pengajian tinggi berhak untuk menolak permohonan kemudahan yang dibuat oleh pelajar berkeperluan khas sekiranya ketiadaan kemudahan tersebut tidak memberikan impak kepada kekurangupayaan yang dialami oleh mereka.	117 (50.0%)	51 (22.0%)	64 (27.6%)
12	Walaupun hanya terdapat seorang pelajar berkeperluan khas di dalam kelas, namun adalah tetap menjadi tanggungjawab pensyarah untuk menyediakan nota kuliah dalam format yang sesuai dan boleh diakses oleh pelajar tersebut.	162 (69.8%)	29 (12.5%)	41 (17.7%)
13	Sekiranya pelajar berkeperluan khas mempunyai kesukaran untuk menulis, maka pensyarah perlu mengubah format peperiksaan kepada "oral test".	161 (69.4%)	22 (9.5%)	49 (21.1%)
14	Pensyarah perlu memastikan bahan rujukan yang disediakan di perpustakaan bagi subjek yang di ajar sesuai untuk pelajar berkeperluan khas.	183 (78.9%)	16 (6.9%)	33 (14.2%)
15	Sekiranya pelajar berkeperluan khas memerlukan suasana yang sunyi dan tenang semasa menduduki peperiksaan, maka pensyarah perlu menempatkan pelajar tersebut di bilik berasingan dan diawasi oleh pengawas peperiksaan.	143 (61.6%)	40 (17.2%)	49 (21.1%)
16	Adalah menjadi kesalahan disisi undang-undang sekiranya pihak institusi pengajian tinggi/pensyarah tidak menyediakan kemudahan yang bersesuaian untuk pelajar berkeperluan khas.	94 (40.5%)	38 (16.4%)	100 (43.1%)
17	Pensyarah bebas menentukan samada mereka perlu menyediakan kemudahan tambahan untuk pelajar berkeperluan khas semasa di dalam kelas/kuliah.	119 (51.3%)	46 (19.8%)	67 (28.9%)
18	Adalah menjadi tanggungjawab pihak institusi pengajian tinggi untuk menyediakan kemudahan seperti pembaca, penterjemah dan peralatan sokongan untuk pelajar berkeperluan khas. Semasa mereka menduduki peperiksaan.	144 (62.1%)	24 (10.3%)	64 (27.6%)
19	Adalah menjadi tanggungjawab pelajar berkeperluan khas untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka sendiri. Contoh, pelajar masalah penglihatan perlu mendapatkan nota kuliah dalam bentuk Braille.	144 (62.1%)	33 (14.2%)	55 (23.7%)
20	Pensyarah perlu mengubahsuai cara penyampaian/kaedah pengajaran bagi memastikan ianya sesuai dan bermanfaat kepada pelajar berkeperluan khas.	185 (79.7%)	11 (4.7%)	36 (15.5%)

Perbezaan Tahap Pengetahuan berdasarkan Keluarga dan Rakan OKU

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis Ujian t antara tahap pengetahuan mahasiswa terhadap undang-undang berkaitan individu kurang upaya dengan kewujudan ahli keluarga dan rakan OKU dalam kehidupan mereka. Tujuan utama analisis Ujian t ini adalah bagi mengkaji samada kewujudan ahli keluarga atau rakan OKU dalam kehidupan mahasiswa ini akan mempengaruhi tahap pengetahuan mereka mengenai undang-undang berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) atau sebaliknya. Kajian yang dijalankan oleh Hasnah dan rakan-rakan (2009) menunjukkan bahawa, individu yang mempunyai konteks secara langsung dengan individu kurang upaya adalah lebih peka terhadap sokongan yang diperlukan dan halangan yang dihadapi oleh individu kurang upaya sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan ahli keluarga dan rakan OKU dalam kehidupan mahasiswa tidak mempengaruhi tahap pengetahuan mereka mengenai undang-undang berkaitan individu kurang upaya. Dapatan analisis Ujian t yang dijalankan antara tahap pengetahuan mahasiswa dan faktor kewujudan ahli keluarga OKU menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan, iaitu nilai t (230) = 1.17 dan p = 0.24. Analisis antara tahap pengetahuan mahasiswa dengan kewujudan rakan OKU juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan, iaitu nilai t (229) = -0.72 dan p = 0.47.

Jadual 2. Analisis Ujian t bagi Faktor Keluarga dan Rakan OKU dengan Tahap Pengetahuan

Pembolehubah tak bersandar	n	df	t	p
Keluarga OKU	232	230	1.17	0.24
Rakan OKU		229	0.72	0.47

Impak kepada Pembelajaran Peribadi

Mahasiswa tipikal yang mempunyai tahap kesedaran yang baik mengenai hak mahasiswa kurang upaya akan memberi kesan yang positif kepada kedua-dua belah pihak, iaitu mahasiswa tipikal dan mahasiswa kurang upaya. Bagi mahasiswa tipikal, tidak akan timbul rasa iri hati atau merasakan pensyarah mengamalkan sikap pilih kasih sekiranya pensyarah memberikan keistimewaan seperti masa tambahan untuk mahasiswa kurang upaya. Ini akan menjadikan mahasiswa tipikal menjadi lebih positif dan terbuka dalam menerima kehadiran mahasiswa kurang upaya. Selain itu, mahasiswa tipikal akan menjadi lebih peka dan prihatin terhadap kemudahan dan bantuan pembelajaran yang perlu disediakan oleh institusi pengajian tinggi dan pensyarah kepada mahasiswa kurang upaya sepanjang tempoh pengajian di institusi pengajian tinggi.

Bagi mahasiswa kurang upaya pula, mereka akan menerima manfaat apabila mempunyai rakan yang prihatin dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada mereka. Sikap prihatin dan tanggungjawab rakan-rakan tentunya dapat membantu mahasiswa kurang upaya untuk mengoptimalkan proses pembelajaran mereka. Kemudahan dan bantuan yang diberi, akan membolehkan mahasiswa kurang upaya untuk mengikuti sesi pembelajaran yang kondusif, menyokong dan bermakna. Hubungan baik yang wujud antara kedua-dua belah pihak ini akan memberi impak positif terhadap prestasi pembelajaran mereka. Implikasi impak positif ini dapat mengupayakan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan baik dan efektif bagi kedua-dua pihak.

KESIMPULAN

Penggubalan dan pewartaan undang-undang berkaitan perkhidmatan pendidikan untuk individu kurang upaya adalah penting terutamanya dalam membantu meningkatkan bilangan golongan ini di institusi pengajian tinggi. Melalui penggubalan undang-undang, pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan peringkat tertiar perlu mematuhi undang-undang yang diwartakan semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta dalam penyediaan kemudahan yang bersesuaian. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan hak mahasiswa kurang upaya akan memberikan kesan yang positif terhadap enrolmen golongan ini di pusat pengajian tinggi sama seperti senario yang berlaku dalam pendidikan rendah dan menengah negara.

Selain itu, adalah penting untuk meningkatkan tahap pengetahuan mahasiswa dan pensyarah institusi pengajian tinggi mengenai keistimewaan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang untuk semua mahasiswa kurang upaya yang berada di pusat pengajian tinggi. Perkara ini adalah penting bagi memastikan hak-hak mahasiswa kurang upaya dilindungi. Bagi pensyarah, mereka tentunya akan lebih peka tentang hak mahasiswa yang perlu diberikan dan disediakan samada semasa berada di dewan kuliah mahupun dewan peperiksaan. Bagi mahasiswa tipikal pula, pengetahuan tentang undang-undang ini dapat mengelakkan mereka daripada berfikir bahawa wujudnya sikap pilih kasih atau kasihan terhadap mahasiswa kurang upaya. Sebaliknya, mereka akan menerima situasi berkenaan sebagai pelaksanaan polisi dan dasar terhadap hak mahasiswa kurang upaya seperti mana yang termaktub dalam peruntukan undang-undang negara.

Rujukan

- Akta Pendidikan Kebangsaan. (1996). Undang-Undang Malaysia.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008). Undang-Undang Malaysia. Akta 685.
- Henderson, C. (2001). *College freshmen with disabilities: statistical year 2000*. Washington, DC, American Council on Education.
- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. (2013). Undang-Undang Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. (2009). Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18-29.
- Konur, O. (2006). Teaching Disabled Students in Higher Education. *Teaching in Higher Education*, 11(3), 351-363.
- Rothstein, L. (2004). *Disability Law and Higher Education: A Road Map for Where We've Been and Where We May Be Heading*. Tesis Sarjana.
- The Right to Education for Children with Learning Disabilities: Focusing on Primary Education (2002). A Report by the Rights Commission of Malaysia. Human Rights Commission of Malaysia.
- Villarreal, P. (2002). Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice. Laporan Penyelidikan.
- Volosnikova, L.M. & Efimova, G.Z. (2016). Faculty Attitudes: Towards Students with Disabilities in Russian Universities: A Glance at Western Siberia. *The European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*.